

## **Pelaksanaan Undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor**

Mohd Fazrin Hamdan  
Politeknik Ibrahim Sultan

### **ABSTRAK**

Pindaan perkara 5 dan perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memberi nafas baru khususnya kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kesannya ialah apa jua yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak boleh campur tangan seperti dalam soal harta pusaka, penjagaan kanak-kanak dan sebagainya. Namun begitu, jika dilihat dengan lebih mendalam bidang kuasa Mahkamah Syariah sangatlah terhad ke atas orang Islam sahaja dan dalam tiga bidang sahaja, iaitu undang-undang keluarga, perwarisan dan beberapa kesalahan matrimoni dan kesalahan takzir sepertimana dalam perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual ke-9, Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor sejak dari tahun 2003 hingga 2006. Kajian ini juga menyingkap beberapa aspek yang diperoleh secara keseluruhannya berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor sejak dari tahun 2003 hingga 2006. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Metode pengumpulan data ialah melalui pemerhatian dan penganalisan dokumen. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan ke atas individu signifikan, iaitu Penolong Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor untuk mendapatkan pandangan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor. Setiap maklumat dan data yang terkumpul akan dianalisis berdasarkan pendekatan deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Syariah kini adalah bebas daripada campur tangan mahkamah sivil sejak Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988. Begitu juga dari sudut pentadbiran Mahkamah Syariah telah berpisah dari Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam sejak tahun 1996.

**Kata Kunci:** Pelaksanaan, Undang-undang Islam, Mahkamah Syariah Johor Bahru.

### **1.0 PENGENALAN**

Dalam Islam, sumber perundangan asas sejak kemunculannya ialah al-Quran dan as-Sunnah yang tertegak di atas wahyu Allah SWT. Kedua-dua sumber perundangan itu telah diterima secara menyeluruh oleh kesemua umat Islam. Undang-undang Islam adalah undang-undang yang praktikal dan sejagat untuk menjamin kestabilan agama, bangsa dan negara. Ia menepati naluri semula jadi

manusia yang tidak suka kepada penindasan, kezaliman dan segala macam keburukan. Peruntukan undang-undang Islam dimasukkan dalam enakmen-enakmen yang terpakai dan terkini. Enakmen dan undang-undang itu memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan tertentu untuk orang Islam sahaja. Kesemua Enakmen dan undang-undang negeri diluluskan oleh majlis negeri dan dipengaruhi oleh British. Enakmen undang-undang Islam dihadkan untuk orang-orang Islam sahaja dan dalam tiga bidang iaitu undang-undang keluarga, warisan dan beberapa kesalahan takzir.

### **1.1 Pindaan Perkara 5 dan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan**

Pindaan perkara 5 dan perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memberi nafas baru khususnya kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704) Perkara 121 Fasal (1) memperuntukkan bahawa terdapat dua Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa yang selaras dan setaraf. Fasal 1(A) telah ditambah kepada Perkara 121 dengan memperuntukkan, “Mahkamah-mahkamah yang disebutkan Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.”

Kesannya ialah apa jua yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak boleh campur tangan seperti dalam soal harta pusaka, penjagaan kanak-kanak dan sebagainya. Namun begitu, jika dilihat dengan lebih mendalam bidang kuasa Mahkamah Syariah sangatlah terhad. Ia hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang Islam sahaja dan hanya dalam perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual ke-9, Senarai II Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah Syariah dengan itu tidak mempunyai bidang kuasa atas pihak yang salah seorang daripadanya bukan agama Islam. Misalnya, dalam soal *hadanah* (penjagaan anak), jika ibunya bukan seorang Islam dan bapanya seorang Islam, perkara ini masih boleh dibawa ke Mahkamah Sivil dan diputuskan di sana. Dalam Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Mahkamah Sivil diberi kuasa untuk membenarkan perceraian jika pihak pada perkahwinan tersebut yang dijalankan bukan secara Islam, telah memeluk Islam dan pihak yang satu lagi tidak memeluk Islam boleh membawa petisyen ke mahkamah.

Walau bagaimanapun, tidak diperuntukkan dalam pindaan tahun 1988 ialah menaikkan taraf Mahkamah Syariah dalam bidang kuasa jenayah. Pada amnya Parlimen mempunyai bidang kuasa jenayah yang luas dibandingkan dengan Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri hanya berkuasa membuat

undang-undang bagi menghukum kesalahan orang-orang Islam terhadap agama Islam kecuali apa jua perkara yang telah diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan. Misalnya dalam kes khalwat, jika salah seorang yang ditangkap bukan beragama Islam, maka pihak yang beragama Islam bebas daripada tuduhan itu.

Pindaan Perkara 5 dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 Kuasa Tangkapan memberi pengiktirafan yang lebih tinggi kepada Mahkamah Syariah. Satu peruntukan baru telah dimasukkan ke dalam Fasal (4) Perkara 5 bagi Mahkamah Syariah, iaitu:

*“Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah, sebutan-sebutan dalam Fasal ini mengenai seorang Majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim Mahkamah Syariah.”*

Dengan pindaan ini seseorang yang melakukan kesalahan boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah, maka hak-hak yang sama diberikan kepada pesalah seperti juga mereka akan dibicarakan di Mahkamah Majistret. Kesannya ialah jika seseorang pesalah yang ditahan untuk tujuan itu, mereka hendaklah dibawa ke hadapan hakim Mahkamah Syariah dalam masa 24 jam dari masa ia ditangkap tanpa kelengahan yang tidak munasabah. Sekiranya hendak ditahan lebih lanjut lagi, kebenaran hakim Mahkamah Syariah hendaklah dipohon. Pindaan Perkara 5 ini sekurang-kurangnya telah menjadikan kuasa hakim Mahkamah Syariah meningkat ke tahap lebih tinggi setaraf dengan kuasa seorang Majistret. Prof. Ahmad Ibrahim (1997) dalam mengulas pindaan ini menyatakan:

*“Pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan ini telah memberi kuasa yang lebih luas dan memberi lebih kebebasan kepada Mahkamah Syariah dan adalah diharapkan kuasa-kuasa ini dijalankan dengan sempurna dan berlandaskan ajaran al-Quran dalam surah an-Nisa’ ayat 58 yang bermaksud; “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”*

## **1.2 Kuasa Perundangan Persekutuan dan Negeri**

Pembahagian kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri-negeri telah ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan (Pusat) mempunyai kuasa yang lebih luas berbanding kuasa kerajaan negeri-negeri. Tujuan pembahagian

kuasa ini dibuat adalah penting bagi menyelesaikan beberapa pertelingkahan yang mungkin atau telah berlaku di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri-negeri. Inilah bentuk negara Persekutuan yang diamalkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berasaskan kepada Laporan Suruhanjaya Reid, tahun 1957.

Menurut Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan (Parlimen) boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai I atau Senarai III) yang dinyatakan dalam Jadual ke-9.

Perkara 74(2) pula memperuntukkan bahawa kerajaan negeri-negeri (Badan Perundangan Negeri) boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama (iaitu Senarai II atau Senarai III) yang dinyatakan dalam Jadual ke-9.

Bagi membuktikan bahawa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen lebih tinggi daripada undang-undang yang dibuat oleh Dewan Perundangan Negeri, maka Perlembagaan telah membuat peruntukan, iaitu jika sesuatu undang-undang negeri bertentangan dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuanlah yang sah dan dipakai, dan setakat mana undang-undang negeri itu bertentangan, maka setakat itulah undang-undang negeri itu menjadi batal. Perkara 75, Perlembagaan memperuntukkan:

*“Jika mana-mana undang-undang Negeri adalah berlawanan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang Negeri itu hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan itu”.*

Menurut Mohd Syahir Bin Shahab, Penolong Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, sebarang usul hendaklah melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), maka bagi menyeragamkan sebarang undang-undang seluruh negeri adalah susah sedikit kerana ADUN yang akan mengubahnya sedikit sebelum sampai ke Parlimen.

### **1.3 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965**

Akta ini bertujuan memberi bidang kuasa kepada mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri untuk mengendalikan kesalahan-kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang Islam.

Bidang kuasa jenayah merangkumi orang-orang Islam dan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Senarai II, Senarai Negeri. Mengenai pelaksanaan kesemua bentuk hukuman yang diperuntukkan dalam Islam di Mahkamah Syariah diberikan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 yang memberikan bidang kuasa kepada mahkamah syariah untuk menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau enam kali sebatan.

#### **1.4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003**

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan baru tentang pentadbiran Agama Islam, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Negeri Johor dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

Menurut Enakmen ini, hukum syarak yang diguna pakai adalah mengikut mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Peruntukan atau tafsiran yang tak konsisten dengan hukum syarak adalah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu. Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata, maka Mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen ini dengan nyata, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Johor sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895.

Enakmen ini memberi takrif orang Islam yang bererti seseorang yang menganut agama Islam, seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya pada masa kelahiran itu ialah orang Islam, seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam, seseorang yang telah memeluk agama Islam mengikut seksyen 108 atau seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis.

Enakmen ini sendiri disusun semula untuk disesuaikan dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam institusi pentadbiran Islam seperti pemisahan mahkamah syariah dengan jabatan agama Islam. Pengenalan undang-undang baru ini cuba untuk mengatasi masalah kekaburan dan kekurangan dalam undang-undang yang terpakai di mahkamah syariah. Dengan itu, enakmen ini

menjadi rujukan bagi sebarang permasalahan pelaksanaan undang-undang Islam bagi seluruh negeri Johor.

### **1.5 Penubuhan Majlis Agama Islam Johor dan Fungsinya**

Majlis Agama Islam Negeri Johor merupakan suatu badan yang berfungsi membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam negeri Johor. Ia adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

Majlis berfungsi untuk membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati segala jenis harta alih dan tak alih dan tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh harta itu atau membuat apa-apa urusan yang difikirkan patut dan sesuai menurut Majlis yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Selain itu, ia juga boleh bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat serta berkwajipan untuk menggalakkan dan membantu tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam di negeri Johor selaras dengan hukum syarak.

Anggota-anggota Majlis terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, enam orang anggota (atas nama jawatan Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Timbalan Mufti, Kadi Besar Johor (Ketua Penolong Pengarah Undang-undang Syariah) dan Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Agama), dua orang Ahli Jemaah Majlis DiRaja yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat dan tidak lebih dari tujuh anggota lain yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat.

### **1.6 Kesalahan-kesalahan dalam Enakmen Negeri Johor**

Pada umumnya, orang Islam adalah tertakluk kepada Undang-undang Jenayah Negeri. Walau bagaimanapun terdapat juga undang-undang jenayah yang digubal oleh Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh seluruh umat Islam. Sebagai contoh, kesalahan yang bersangkutan paut dengan harta benda seperti mencuri, merompak dan lain-lain kesalahan yang berkait dengan negara seperti penderhakaan dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini terdapat dalam Kanun Keseksaan di mana orang-orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang tersebut.

Kesalahan-kesalahan itu boleh dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan matrimoni, undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan seks, undang-undang yang berkaitan dengan

kesalahan-kesalahan dari aspek keimanan, undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan minuman keras, undang-undang yang berkaitan dengan menular agama dan pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Berdasarkan kepada pembahagian kesalahan-kesalahan tersebut didapati kesalahan secara amnya dan hukuman qisas tidak diperuntukkan dengan nyata dalam mana-mana Enakmen Negeri. Hukuman qisas adalah wajib dilaksanakan sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran al-Karim dalam surah al-Baqarah (2:178) yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pemaafan dari saudaranya, hendaklah (yang memaafkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi ma'af) membayar (diat) kepada yang memberi ma'af dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang sangat pedih.”*

Kesalahan-kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman qisas adalah kesalahan-kesalahan yang melibatkan nyawa manusia dan kecederaan tubuh badan dan hanya diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Islam melarang umat Islam melakukan jenayah membunuh kecuali yang dihalalkan di sisi syarak berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa‘ (4:92) yang mafhumnya:

*“Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali kerana tersalah (tidak sengaja), dan barangsiapa membunuh seorang mukmin kerana tersalah (hendaklah) ia memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh itu), kecuali jika mereka (keluarga terbunuh) bersedekah. Jika ia (si terbunuh) dari kaum (kafir) yang ada perjanjian (damai) antara mereka dengan kamu, maka (hendaklah si pembunuh) membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh) serta memerdekakan hamba sahaya yang beriman. Barangsiapa yang tidak memperolehnya, maka hendaklah ia (si pembunuh) berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat daripada Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

Walau bagaimanapun kesalahan mengenai isteri ada diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003.

Mengenai kesalahan-kesalahan yang berbentuk hukuman had seperti zina dan minuman yang memabukkan ada diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Namun, hukuman yang dijalankan hanyalah dalam bentuk takzir bukan had. Hal ini demikian kerana kebanyakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Negeri adalah bersifat takzir semata-mata. Ia bertentangan dengan hukuman had zina yang ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran al-Karim dalam surah an-Nur (24:2) yang bermaksud:

*“Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.”*

Istilah zina yang digunakan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 ialah ‘persetubuhan luar nikah’ di bawah seksyen 23 (1) dan (2) yang memperuntukkan seperti berikut:

*“Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan atau lelaki yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”*

Kebanyakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah 1997 dan enakmen yang berkaitan adalah mengenai kesalahan-kesalahan berbentuk maksiat yang dilarang oleh agama dan bercanggah dengan nilai akhlak yang murni. Kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai takzir. Kesalahan takzir ini mempunyai dua jenis, iaitu kesalahan yang melanggar hak Allah dan kesalahan yang melanggar hak manusia.

Pada umumnya, hukuman yang ditetapkan ke atas kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 adalah didahulukan dengan denda, iaitu hukum *maliyah* dan bukan *badaniyah*. Hukuman yang dikenakan adalah terserah kepada hakim untuk menentukannya dan keadaan ini telah mendorong hakim-hakim di Mahkamah Syariah untuk lebih cenderung menghukum seseorang pesalah dengan hukuman denda sahaja, seolah-olah tiada peruntukan lain sebagai hukuman pilihan kepada denda. Dikhawatiri dengan keadaan yang terus berlaku kini di Mahkamah Syariah akan mengurangkan keberkesanan tujuan sesuatu hukuman itu dijatuhkan. Salah satu tujuan hukuman adalah untuk memberi pengajaran dan pencegahan.



Daripada pengkajian dan penyelidikan yang dibuat tidak semua kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen dihadapkan di Mahkamah Syariah Johor Bahru. Sebagai contoh, dalam kes tidak solat Jumaat, walaupun seseorang itu cukup syarat untuk menunaikan kewajipan sebagai seorang muslim namun tindakan tidak diambil kerana tidak cukup kakitangan untuk bertindak seperti yang termaktub dalam enakmen.

Terdapat persoalan penting yang perlu diambil perhatian ialah kadar denda yang terlalu rendah terhadap sesuatu kesalahan. Walaupun denda itu dapat mengurangkan maksiat akan tetapi ia masih tidak menepati konsep pembalasan dan pencegahan dalam Islam. Denda yang dikenakan hanyalah sebagai satu kemestian yang perlu dibayar oleh pesalah tanpa memberi pengajaran dan tidak dapat membentuk pencegahan kepada manusia secara keseluruhannya.

i. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Senarai undang-undang Islam yang termasuk di bawah enakmen ini, iaitu:

- |                                    |                            |
|------------------------------------|----------------------------|
| 1. Berjudi                         | 7. Persetubuhan luar nikah |
| 2. Meminum minuman yang memabukkan | 8. Liwat                   |
| 3. Tidak membayar zakat            | 9. Qazaf                   |
| 4. Pemujaan salah (syirik)         | 10. Takfir                 |
| 5. Perbuatan sumbang mahram        | 11. <i>Musabaqah</i>       |
| 6. Pelacuran                       | 12. Dakwaan palsu          |

ii. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003

Senarai undang-undang Islam yang termasuk di bawah enakmen ini, iaitu:

- |                           |                                   |
|---------------------------|-----------------------------------|
| 1. Poligami               | 5. Pembubaran perkahwinan         |
| 2. Pertunangan            | 6. Nafkah isteri dan anak-anak    |
| 3. Mas kahwin kanak-kanak | 7. Penjagaan atau <i>hadhanah</i> |
| 4. Akad nikah             | 8. Perceraian perkahwinan         |

iii. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah (Negeri Johor) 2003

Senarai undang-undang Islam yang termasuk di bawah enakmen ini, iaitu:

- |            |         |
|------------|---------|
| 1. Hiwalah | 3. Sulh |
| 2. Wakalah |         |

## 1.7 Statistik Kes di Mahkamah Syariah Johor Bahru

Setiap hari terdapat pelbagai jenayah syariah dan sivil yang berlaku di daerah Johor Bahru. Namun begitu, jumlah kes yang dapat dikesan dan diambil tindakan oleh pihak yang berkuasa hanyalah sebahagian kecil sahaja. Ini

disebabkan oleh kekurangan kakitangan untuk membuat rondaan dan penyiasatan serta tidak mendapat kerjasama dari orang ramai bagi membuat laporan terhadap sesuatu jenayah yang berlaku

Untuk memudahkan kajian dan gambaran yang jelas, penganalisaan umum mengikut kes jenayah dan kes mal telah dibuat. Pengkajian secara khusus terhadap kesalahan yang dilakukan di Mahkamah Syariah Johor Bahru tidak dibuat kerana kekurangan kakitangan untuk mencatat dan membuat laporan mengikut jenis kesalahan yang didaftarkan.

**Jadual 1: Laporan Pendaftaran Kes Mal di Mahkamah Syariah Johor Bahru**

<b>Mahkamah</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>
Rendah	3466	4008	1964	2088
Tinggi	442	378	298	363
Rayuan	2	-	1	-
Jumlah	3910	4386	2263	2451

**Sumber:** Diubahsuai daripada Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor.

Jadual di atas menunjukkan laporan pendaftaran kes mal di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor sejak dari tahun 2003 hingga tahun 2006. Menurut statistik di atas pada tahun 2003, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 3910 kes. Pada tahun 2004 pula jumlah kes yang didaftarkan semakin meningkat kepada 4386 kes. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005 dan 2006 penurunan jumlah kes berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 2263 dan 2451 kes. Peningkatan jumlah kes pada tahun 2004 menunjukkan bahawa kes mal di mahkamah syariah Johor Bahru masih belum dapat dibendung oleh pihak berkuasa dan mereka perlu mengambil langkah yang lebih berkesan supaya kadar kes mal dapat dikurangkan dengan sebaik mungkin. Namun demikian, kekurangan pegawai dan kakitangan JKNSJ menyebabkan penangguhan kes-kes tersebut dan kelewatan penyelesaian kes. Kebanyakan kes-kes didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru, Johor berbanding Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah Johor Bahru, Johor.

**Jadual 2: Laporan Pendaftaran Kes Jenayah di Mahkamah Syariah Johor Bahru**

<b>Mahkamah</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>
Rendah	2792	3439	887	1125
Tinggi	324	406	319	224
Rayuan	2	-	4	-
Jumlah	3118	3845	1210	1349

**Sumber:** Diubahsuai daripada Laporan Tahunan Jabatan  
Kehakiman Syariah Negeri Johor.

Jadual di atas menunjukkan jumlah kes jenayah yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor Sejak dari tahun 2003 hingga tahun 2006. Statistik di atas menunjukkan bahawa jumlah kes jenayah yang didaftarkan pada tahun 2003 adalah sebanyak 3118 kes. Sebagaimana dalam kes mal tahun 2004, kes jenayah juga meningkat pada tahun 2004, iaitu sebanyak 3845 kes berbanding tahun sebelumnya, manakala bagi tahun 2005 dan 2006 jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 1210 dan 1349 kes. Ini menunjukkan penurunan jumlah kes berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah kes pada tahun 2004 menunjukkan bahawa sistem pentadbiran dan pengurusan JKNSJ masih belum cukup berkesan dalam menangani kes-kes jenayah di Johor Bahru. Pelbagai langkah yang lebih mantap dan efektif perlu diambil supaya dapat membanteras kadar jenayah di Johor Bahru.

### **1.7.1 Analisa Kes**

Kebanyakan kes mal yang dilaporkan di Mahkamah Syariah Johor Bahru adalah permohonan cerai (Seksyen 47 EUUKI 2003), pengesahan lafaz cerai (Seksyen 57) dan cerai taklik (Seksyen 50). Tiga kes ini merupakan kes yang boleh dikatakan kerap dilaporkan di Mahkamah Syariah Johor Bahru.

Antara faktor-faktor penyebab berlaku kepada kes-kes tersebut adalah berkaitan dengan masalah nafkah keluarga, suami terlibat dengan dadah, suami tidak bertanggungjawab, isteri curang, suami kaki pukul dan panas baran, suami ghaib, suami pulang ke negara asal (Pakistan, Indonesia dan lain-lain), masalah hubungan seksual dan masalah pihak ketiga.

Oleh yang demikian, pihak berkuasa telah mengambil langkah bagi penyelesaian masalah tersebut dengan mengadakan seminar kepada kumpulan sasaran ibu tunggal, masyarakat felda, pekerja sektor industri, remaja terutama pelajar IPT dan sekolah menengah. Antara langkah lain yang dilakukan ialah dengan mengadakan bengkel dan kaunseling kepada pesalah jenayah yang telah menerima hukuman agar tidak melakukan kesalahan lagi. Selain itu, diberi juga penjelasan undang-undang kepada masyarakat bandar dan luar bandar, manakala

bagi kes jenayah yang dilaporkan di Mahkamah Syariah Johor Bahru adalah kes khalwat (Seksyen 27 EKJS 1997), kes judi (Seksyen 18), kes perempuan berlagak lelaki (Seksyen 28) dan kes perbuatan tidak sopan di tempat awam (seksyen 29). Ia merupakan kes jenayah yang tertinggi dalam laporan di Mahkamah Syariah Johor Bahru.

Antara faktor-faktor penyebab berlakunya kes khalwat ialah perempuan datang ke rumah lelaki, pelajar-pelajar IPT yang terlalu bebas, masalah sosial, jauh dari kawalan keluarga dan suami isteri yang menghadapi masalah keluarga, manakala faktor-faktor penyebab bagi kes judi ialah individu terbabit menghadapi masalah kewangan, mengikut atau pengaruh kawan, terperangkap dengan budaya berjudi dan merupakan hobi individu terbabit. Bagi faktor-faktor kes perempuan berlagak lelaki adalah untuk menambah pendapatan dan pengaruh kawan dan persekitaran.

Dalam kes perbuatan tidak sopan di tempat awam boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu berdua-duaan di tempat sunyi, berdua-duaan di dalam kereta dan berpelukan di tempat awam. Antara faktor-faktor yang menyumbang terjadinya perkara demikian adalah kurangnya didikan dan fahaman agama serta latar belakang keluarga yang tidak berpendidikan agama.

## **2.0 KESIMPULAN**

Rumusan yang dapat dinyatakan penulis terhadap tahap pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor ini adalah berada di tahap yang masih belum memuaskan di samping perlu mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk memartabatkan agama Islam dari semasa ke semasa. Peruntukan undang-undang Islam dimasukkan dalam enakmen-enakmen yang terpakai dan terkini. Enakmen dan undang-undang itu memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan tertentu untuk orang Islam sahaja. Kesemua Enakmen dan undang-undang negeri diluluskan oleh majlis negeri dan dipengaruhi oleh British. Enakmen undang-undang Islam dihadkan untuk orang-orang Islam sahaja dan dalam tiga bidang, iaitu undang-undang Keluarga, warisan dan beberapa kesalahan takzir. Walau bagaimanapun, mahkamah syariah kini adalah bebas dari campur tangan mahkamah sivil sejak Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988. Begitu juga dari sudut pentadbiran Mahkamah Syariah telah berpisah dari Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam sejak tahun 1996. Akhir kata, semoga usaha, tenaga dan masa yang dicurahkan akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT kepada semua pihak yang terlibat.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan terima kasih kepada penyelia, Datin Dr. Siti Zalikah Bte Md. Noor, pegawai-pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) khususnya Penolong Pendaftar, pegawai-pegawai dari Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan ibu bapa. Pengkaji merupakan Pegawai Hal Ehwal Pelajar di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Sharif.

Abd. Jalil Borham. (2002). *Majalah Abkam Johor Latar belakang, Pelaksanaan dan Komentari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Abd. Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Hidayat Buang. (2005). *Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.

*Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor*. (2004).

Mohd Ridzuan Awang dan Mohd Zamro Muda. (2006). *Undang-undang Pusaka Islam Pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syairah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Mohd Salleh Abas. (1968). *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Aziah Mohd Awal. (2003). *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services.

Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tun Muhammad Ibrahim Bin Hashim. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

